



**TEKS UCAPAN  
Y.B DATUK ZAHIDI BIN ZAINUL ABIDIN  
PENGERUSI RISDA**

**SEMPENA**

**PERHIMPUNAN BULANAN RISDA BIL. 06 / 2017  
ANJURAN  
BAHAGIAN PELABURAN DAN PEMBANGUNAN SYARIKAT**

<b>TARIKH</b>	<b>:</b>	<b>17 OGOS 2017 (KHAMIS)</b>
<b>MASA</b>	<b>:</b>	<b>9.00 PAGI</b>
<b>TEMPAT</b>	<b>:</b>	<b>AUDITORIUM IBU PEJABAT RISDA</b>

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

Terima Kasih saudara pengacara majlis

Yang Berhormat Dato Hj Mohd Fasiah Bin Mohd Fakeh  
Pengerusi Kolej RISDA Sdn Bhd

En Nasarudin Bin Malek  
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)

En Abdullah Bin Zainal  
Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan & Korporat)

Yg Berusaha En Ahmad Zainal Bin Abdullah  
Pengarah Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat  
Selaku hos perhimpunan bulanan kali ini

Yang Berbahagia Tn Hj Meor Mohd Zamnis Bin Meor Hassan  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan RISDA Holdings Sdn Bhd

Pengarah – Pengarah Bahagian  
CEO - CEO Syarikat Milikan RISDA  
Rakan – Rakan Media

Dato' – Dato', Tuan-Tuan dan Puan-Puan warga RISDA yang  
dikasihi sekalian

**ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHHI  
WABARAKATUH, SALAM SEJAHTERA DAN SALAM  
NEGARAKU SEHATI SEJIWA**

## **PENDAHULUAN**

1. Alhamdulillah, syukur kehadrat Illahi, di atas limpah kurnia-Nya, kita masih lagi diberi ruang dan peluang untuk bersama berkumpul dan menghadiri Majlis Perhimpunan Bulanan Ibu Pejabat RISDA kali Ke-6 bagi tahun 2017 anjuran Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat. Saya berasa amat gembira di atas jemputan ini kerana inilah ruang dan ketikanya saya dapat menyampaikan amanat dan menghebahkan isu – isu

semasa kerajaan secara terus dan jelas kepada semua warga RISDA yang dikasihi.

Hadirin sekalian,

2. Kita telah melepas pertengahan tahun dan bakal menempuh fasa – fasa akhir tahun 2017. Semestinya kita telah hampir menyelesaikan segala tugas yang telah diamanahkan oleh kerajaan dan rakyat. Saya percaya, dengan kepimpinan Ketua

Pengarah dan kedua – dua timbalan, RISDA pasti mencapai prestasi yang ditetapkan dan terus membawa RISDA ke puncak kegemilangan.

## **PENCAPAIAN SYARIKAT MILIKAN RISDA**

3. Bahagian Pelaburan & Pembangunan Syarikat (BPPS) merupakan satu bahagian yang penting di RISDA. Walaupun sebuah bahagian yang kecil, namun mempunyai peranan dan tanggungjawab yang amat besar dalam memastikan urusan

pentadbiran korporat dan pelaburan 15 Syarikat Milikan RISDA mencapai sasaran yang ditetapkan dan yang paling utama memberi impak yang berkesan kepada pekebun kecil melalui sektor harta tanah, perkilangan, perkhidmatan, pendidikan dan sebagainya.

4. Saya difahamkan projek - projek pelaburan yang sedang dilaksanakan pada tahun ini adalah pembangunan Menara RISDA bernilai RM69 juta, pembangunan tanah U-Thant bernilai

RM46.5 juta dan Petaling Jaya bernilai RM17.8 juta. Selain itu projek perlombongan di Durian Mas & Cherul, Terengganu turut menyumbang pendapatan kepada RISDA. Harapan saya bagi tahun 2017, lebih banyak keuntungan SMR akan kita jana agar lebih banyak tanggungjawab sosial kepada pekebun kecil dapat dilaksanakan untuk meningkatkan sosioekonomi masyarakat luar bandar.

## **PENGUMUMAN DIVIDEN DAN SUMBANGAN TKPR**

5. Atas kejayaan – kejayaan yang dicapai serta pengurusan syarikat yang berkesan maka pada hari ini, suka untuk saya maklumkan bagi tahun kewangan 2016, kumpulan Syarikat Milikan RISDA telah berjaya memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah **RM 38,984,804.00**. Hasil daripada keuntungan ini semua syarikat Milikan RISDA telah mengisytiharkan dividen berjumlah **RM 6,445,102.00** sebagai pulangan kepada RISDA untuk pembangunan pekebun kecil di masa hadapan. Manakala

sebanyak **RM 1,171,996.00** disalurkan kepada Tabung Kebajikan Pengurusan RISDA (TKPR) sebagai salah satu tanggungjawab social korporat bagi tujuan kebajikan warga RISDA.

### **MOU RISDA DAN KOLEJ RISDA SDN. BHD.**

6. Pada hari ini juga, kita akan menyaksikan perjanjian persefahaman pindah urus Institut Kemajuan Pekebun Kecil Pahang kepada Kolej RISDA Sdn. Bhd. Melalui perjanjian ini

Kolej RISDA dipertanggungjawabkan untuk mentadbir dan mengurus IKPK Pahang sebagai Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi menjalankan program akademik dan kemahiran (TVET) di peringkat sijil dan diploma serta turut bertindak sebagai *consultant* latihan untuk warga RISDA dan pekebun kecil.

## **PENGANJURAN ICoSD 2017**

7. Selain itu, saya juga difahamkan pada tahun ini Kolej RISDA Sdn. Bhd. akan menganjurkan International Conference of Sustainable Development (ICoSD 2017). Program ini merupakan persidangan ilmiah peringkat kebangsaan bagi berkongsi idea dan pendapat yang terdiri daripada ahli akademik, penyelidik dan pakar industri berkenaan isu - isu global untuk pembangunan sejagat. Kesemua hasil penyelidikan yang telah dibentang bakal diterbitkan sebagai jurnal di ASM Science Journal oleh Akademi Sains Malaysia.

Tuan – tuan dan Puan – puan hadirin sekalian,

### **ISU SEMASA PEKEBUN KECIL**

8. Berbalik kepada isu semasa pembangunan pekebun kecil. Pekebun kecil adalah asset RISDA. Tanpa pekebun kecil maka tiada RISDA. Asal penubuhan RISDA ini hanya untuk membangunkan masyarakat pekebun kecil dengan lebih sejahtera sesuai dengan peredaran semasa. Justeru itu, apa sahaja corak pengurusan dan pembangunan yang kita

laksanakan mesti berpaksikan kepada kesan positiif kepada pekebun kecil. Tiada guna melabur jutaan ringgit andai pekebun kecil tidak mendapat manfaat. Kita perlu membuktikan kepada kerajaan dan masyarakat kita berjaya memajukan masyarakat pekebun kecil. Justeru, dalam keadaan harga komoditi yang tidak menentu ini adalah wajar semua syarikat cuba menghasilkan produk atau infrastruktur yang memberikan impak kepada pekebun kecil. Scenario industri getah dan sawit kini mengkehendaki RISDA mencipta pembaharuan. Pekebun kecil

tidak boleh lagi bergantung kepada getah dan sawit sahaja tetapi perlu mempunyai sumber pendapatan kedua.

### **TEROKA POTENSI PRODUK BERASASKAN GETAH**

9. Kita perlu berikhtiar dengan lebih mendalam mencari kaedah menghasilkan produk yang boleh menjanjikan pulangan kepada pekebun kecil. Misalnya, mewujudkan lebih banyak industri hiliran berasaskan getah sebagai langkah jangka panjang untuk menstabilkan harga getah di pasaran tempatan. Banyak produk

yang berasaskan getah boleh dikeluarkan antaranya jalanraya, jalan ladang, alat ganti kenderaan serta pelbagai barang lagi yang mendapat permintaan tinggi di pasaran. Kita mesti meneroka produk berasaskan getah ini bagi memberi nafas baru kepada pekebun kecil jika kita benar – benar mahu RISDA terus berdiri bersama pekebun kecil. Saya berharap RISDA Holding dan semua syarikat boleh mengemukakan pandangan, dasar dan pelan baharu ini dalam menangani isu ini. Usul atau cadangan yang

professional wajar kita bawa kepada KKLW dan Kerajaan untuk dipertimbangkan demi kelangsungan kehidupan pekebun kecil.

Tuan – tuan dan Puan – puan hadirin sekalian,

## **PENUTUP**

10. RISDA sentiasa di hati pekebun kecil. Kerajaan sentiasa percaya RISDA mampu melaksanakan tanggungjawab. Justeru, seiring dengan aspirasi YB Menteri KKLW dalam “transformasi

luar Bandar” amanah dan tanggungjawab kepada pekebun kecil perlu kita laksanakan dengan lebih efektif, ikhlas, penuh integriti dan mencapai sasaran yang ditetapkan. Akhir kata, semoga kita semua akan terus melaksanakan peranan kita dengan cemerlang sebagai peneraju kemajuan masyarakat pekebun kecil. Saya pasti dan percaya, kita pasti berjaya memartabatkan RISDA ke puncak kegemilangan. Syabas dan tahniah kepada Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Syarikat atas penganjuran perhimpunan dan terima kasih kepada semua yang

terlibat dalam majlis hari ini. Selamat menyambut Hari Kebangsaan ke 60 bertemakan Negaraku Sehati Sejiwa. Bersama semarakkan semangat patriotisme dan jiwa merdeka.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum  
Warahmatullahi Wabarakatuh**

**Terima Kasih**